



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KERAJAAN TEMPATAN

## SIARAN MEDIA

### **KPKT KOMITED MENJAYAKAN PROGRAM AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) MELALUI PELAKSANAAN PROJEK PERINTIS BANDAR SIHAT LAMAN REKREASI TASEK TAMBAHAN AMPANG, SELANGOR**

---

**SELANGOR, 11 Jun 2023** – YBr. Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah merasmikan Projek Perintis Bandar Sihat di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bertempat di Laman Rekreasi Tasek Tambahan Ampang, Selangor pagi ini. Program ini merupakan anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

**Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)** merupakan inisiatif kerajaan ke arah meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup rakyat. ANMS mengutamakan amalan hidup sihat dari segi pemakanan, minda, gaya hidup aktif, kebersihan diri dan persekitaran.

Bagi menyokong kepada pelaksanaan dasar ANMS, KPKT terlibat secara langsung dalam pelaksanaan ANMS melalui **Strategi 10: Mewujudkan Persekitaran yang Menyokong Kesihatan di bawah Teras 4: Pemantapan Kebersihan Persekitaran**. KPKT melalui PLANMalaysia komited dalam pelaksanaan Program ANMS khususnya melalui pelaksanaan **Projek Perintis Bandar Sihat**. Bermula pada tahun 2021, projek tersebut telah berjaya dilaksanakan di tiga (3) lokasi iaitu di Bandar Jerantut, Pahang, Laman Rekreasi Tasek Tambahan Ampang, Selangor dan juga Taman Tasik Putra Kulim, Kedah dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.5 juta.

**Projek Perintis Laman Rekreasi Tasek Tambahan Ampang, Selangor** merupakan lokasi projek yang menyediakan kelengkapan bagi kemudahan rekreasi dan riadah. Projek ini telah

berjaya disiapkan pada Disember 2021 dengan **kos projek sebanyak RM500 ribu**. Penyediaan **komponen pembangunan projek** di tapak ini lebih tertumpu kepada aspek menaik taraf kemudahan sedia ada iaitu laluan pejalan kaki dan basikal, penandaan laluan, kemudahan *shared lane* untuk kenderaan mikromobiliti, pemasangan peralatan gymnasium luaran (*outdoor gym*), peralatan permainan kanak-kanak dan trek litar kereta kawalan jauh. Selain itu kemudahan sokongan lain juga turut disediakan seperti papan tanda informasi kesihatan dan perabot jalan.

Menurut Tuan Haji Suhaimi, “Bagi menjayakan ANMS, KPKT telah mengambil pendekatan ‘*whole of nation*’ iaitu libat urus secara menyeluruh agensi kerajaan, PBT, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta serta rakyat. Inisiatif ini juga akan diperluaskan lagi melibatkan lebih banyak PBT bagi memastikan pelaksanaannya adalah secara menyeluruh.”

Beliau juga turut menjelaskan bahawa selaras dengan **Sustainable Development Goals (SDGs)** di peringkat antarabangsa, projek bandar sihat ini adalah antara usaha dan inisiatif KPKT bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke arah merealisasikan pembangunan bandar yang sihat, mampan dan selamat serta menyokong kepada agenda **Malaysia MADANI**.

Pelaksanaan Projek Perintis Bandar Sihat di Laman Rekreasi Tasek Tambahan Ampang, Selangor ini diharapkan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada penduduk setempat di samping dapat mewujudkan kejiranan bandar yang inklusif, berkualiti dan berdaya huni demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

*#MalaysiaMADANI*  
*#DemiPertwi*  
*#StrongerTogether*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

